

Kertas soalan ini mengandungi tujuh soalan. **Soalan 1** mesti dijawab. Kemudian jawab **empat** soalan daripada mana-mana soalan berikutnya. Kesemuanya **lima** soalan mesti dijawab.

1. (a) (i) Nyatakan maksud fitrah beragama. (2 markah)
 (ii) Sejarah telah membuktikan Islam telah berjaya membina tamadun manusia. Bincangkan. (4 markah)
- (b) (i) Jelaskan **dua** sebab rasul Ulul Azmi dimuliakan dengan gelaran tersebut. (4 markah)
 (ii) Senaraikan **empat** cara beradab kepada rasul. (4markah)
- (c) (i) Nyatakan maksud alam musyahadah. (2 markah)
 (ii) Terangkan **dua** cara manusia melaksanakan tanggungjawab sosialnya terhadap alam yang telah dirosakkan. (4 markah)
2. (a) (i) Nyatakan **empat** ciri agama langit yang diturunkan kepada Nabi Adam a.s. sehingga Nabi Muhammad SAW [4 markah]
 (ii) Terangkan **dua** cara memiliki sifat Rabbaniyyah [4 markah]
- (b) (i) Jelaskan **dua** bukti ajaran islam bersifat Alamiyyah [4 markah]
 (ii) *Antara hak asasi manusia yang terkandung dalam prinsip Alamiyyah ialah memelihara kehormatan dan maruah diri.*
 Terangkan **dua** acara islam memelihara kehormatan dan maruah diri [4 markah]
- (c)



Kemukakan hujah anda untuk menolak dakwaan mereka yang terpesong ini.

[4 markah]

3. (a) (i) Nyatakan **dua** ciri Negara Islam [4 markah]
 (ii) Senaraikan **empat** prinsip negara Islam [4 markah]

- (b) (i)

***Sistem kehakiman merupakan
 antara unsur terpenting bagi
 sesebuah negara demi keadilan
 dan keselamatan negara tersebut***

- Terangkan **dua** kesan terhadap masyarakat sekiranya hakim tidak berlaku adil semasa membicarakan sesuatu kes [4 markah]
 (ii) Terangkan **dua** cara rakyat menjaga keharmonian hidup bermasyarakat [4 markah]
- (c) *Teknologi maklumat digunakan dengan meluas pada abad ini dalam setiap bidang kerana teknologi maklumat berada di hujung jari.*
 Bagaimanakah situasi ini dapat membantu keberkesanan dakwah kepada masyarakat. Bincangkan [4 markah]

4. (a) (i) Harta merupakan anugerah Allah SWT kepada manusia.
 Terangkan **dua** sebab Islam menyuruh umatnya mencari harta. [4 markah]
 (ii) Allah SWT menguji keluarga yang memiliki harta dengan pelbagai ujian dan dugaan.
 Jelaskan **dua** bentuk ujian tersebut. [4 markah]
- (b) (i) Terangkan **dua** peranan harta yang membawa kebahagiaan dunia dan akhirat [4 markah]
 (ii) Berikan **dua** contoh muamalah yang tidak sah menurut islam bagi setiap perkara berikut:
 a) mengandungi unsur penindasan
 b) mengandungi unsur barangan yang tidak suci [4 markah]
- (c) *Anda telah terpilih sebagai salah seorang pelajar yang layak menerima biasiswa di sekolah anda.*
 Bagaimanakah cara anda menggunakan wang biasiswa tersebut secara berhemah. [4 markah]

5. (a) Jelaskan **dua** sebab mengapakah al-Quran dan al-Hadis menjadi sumber rujukan utama perundangan Islam. [4 markah]
- (b) (i) Apakah maksud ijtihad? [2 markah]
(ii) Jelaskan **dua** matlamat ijtihad diharuskan dalam Islam. [4 markah]
- (c) *Perbuatan makruh jika ditinggalkan mendapat pahala dan jika dilakukan tidak berdosa.*
Mengapakah melakukan perbuatan tersebut tidak digalakkan dalam Islam? Bincangkan. [4 markah]
- (d) *Masalah sosial yang berlaku dalam masyarakat kita terutama golongan remaja hari ini seperti penyalahgunaan dadah, pergaulan bebas, zina semakin membimbangkan.*
Huraikan **dua** tanggungjawab suami bagi mengelakkan masalah tersebut dalam kalangan ahli keluarganya. [4 markah]
- (e) Bagaimanakah cara anda membalas jasa kedua ibu bapa dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang anak? [2 markah]
6. (a) (i) Apakah maksud penyelesaian masalah menurut Islam. [2 Markah]
(ii) Terangkan **dua** sebab setiap masalah perlu diselesaikan secara Islam. [4 Markah]
- (b) Jelaskan **dua** pelakuan dalam menyelesaikan masalah menurut Islam. [4 Markah]
- (c) **Gejala sesak nafas di Pasir Gudang sah akibat pencemaran toksik**



Maklumat 1

KERATAN AKHBAR

12 Mac 2019 PELAJAR SMK Taman **Pasir Putih** dan SK Taman **Pasir Putih, Pasir Gudang** ... GELOMBANG kedua kesan sisa **toksik** di Sungai Kim Kim, **Pasir Gudang**, tengah hari semalam menyebabkan ... Katanya, **kes** itu mula dilaporkan sejak 7 Mac lalu dan Jabatan ... Tekak loya, muntah akibat **keracunan gas**.

Maklumat 2

- (i) Berdasarkan Maklumat 1 dan 2. Mengapa perkara ini berlaku. Bincangkan. [4 Markah]
- (ii) Jelaskan **tiga** tindakan yang patut anda lakukan untuk menghindari gejala di atas daripada berlaku. [6 Markah]

SULIT**5226/2**

7. (a) (i) Senaraikan **dua** contoh kesalahan jenayah yang akan dikenakan hukum hudud. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** keistemewaan hukum jenayah Islam kepada individu. [4 markah]
- (b) (i) Senaraikan **empat** amalan yang dianjurkan oleh Islam untuk menyelesaikan masalah. [4 markah]
- (ii) Huraikan **tiga** matlamat penyelesaian masalah dalam Islam. [6 markah]
- (c) Wajarkah guru dipersalahkan jika seseorang pelajar gagal dalam pelajarannya. Berikan alasan anda. [4 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT